

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN RENJER HUTAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Renjer Hutan Gred G17, G22, G26.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri dan Institut Latihan Perhutanan.

3. RINGKASAN TUGASAN

Bertanggungjawab menjalankan kerja pemantauan, pengawasan dan penguatkuasaan bagi aktiviti pembangunan hutan, pengusahasilan hutan, industri berasaskan kayu, pengeluaran hasil hutan, hutan lipur, tapak semaian, penguatkuasaan undang-undang mengikut Akta Perhutanan Negara, mentadbir pengurusan pejabat Renj dan pemantauan kawasan hutan di dalam kawasan renj. Memeriksa dan mengesahkan kawasan pembalakan, pengawasan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di lapangan dan penyediaan maklumat yang berkaitan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1. Renjer Hutan Gred G17, G22, G26 (Jabatan Hutan Negeri)

- a. Mentadbir dan mengurus pejabat Renj Hutan (pengurusan kakitangan, penyelenggaraan pejabat, stor dan kenderaan).
- b. Memantau dan mengawasi kawasan berhutan di dalam persempadanan Renj Hutan. (Hutan Simpanan Kekal dan Hutan Tanah Kerajaan).
- c. Menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang mengikut Akta Perhutanan Negara sebagai ketua pasukan serbuan, tangkapan dan sitaan.
- d. Memantau dan menyemak kerja-kerja taksiran cukai dan pengeluaran hasil hutan di Balai Pemeriksaan Hutan (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
- e. Menyediakan laporan-laporan berkaitan setiap aktiviti pentadbiran pejabat Renj, pembangunan hutan, pengusahasilan hutan dan pemantauan kawasan berhutan di dalam kawasan renj.

- f. Memantau dan mengawasi aktiviti penyediaan sempadan lesen di dalam Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik serta aktiviti penandaan pokok bagi kawasan kelulusan membalak termasuk pemantauan penyediaan jalan-jalan hutan, pembinaan matau dan kongsi pekerja.
- g. Memantau aktiviti pengusahasilan bagi setiap kawasan lesen yang diluluskan mengikut garis panduan MS ISO 9001:2008 dan pensijilan MC&I.
- h. Memantau dan mengawasi aktiviti inventori hutan sebelum dan selepas tebangan, penyediaan petak kajian, kawasan Hutan Simpanan Dara (VJR), aktiviti tanaman mengaya, aktiviti penandaan sempadan luar hutan simpan dan aktiviti-aktiviti pembangunan hutan lain.
- i. Memantau dan mengawasi aktiviti rondaan ke atas kawasan Hutan Simpanan Kekal dan Hutan Tanah Kerajaan bagi mencegah pencerobohan dan pembalakan haram. (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
- j. Memantau dan mengawasi setiap hutan lipur di dalam jagaan renj hutan.
- k. Memantau dan mengawasi setiap tapak semaian di dalam jagaan renj hutan.
- l. Memantau dan mengawasi setiap kilang di bawah industri berasaskan kayu di dalam jagaan renj hutan.
- m. Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Perhutanan Negeri bagi tugas-tugas di lapangan seperti semakan kawasan lesen, siasatan aduan awam, rondaan, serbuan, tangkapan, sekatan jalan raya, operasi bersepadu, semakan industri berasaskan kayu dan aktiviti penguatkuasaan lain mengikut Akta Perhutanan Negara. (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
- n. Mengetuai pasukan Unit Pembangunan Hutan, Pejabat Perhutanan Negeri bagi tugas aktiviti pembangunan hutan dalam menyediakan kawasan tender/sebut harga seterusnya memantau dan mengawasi pelaksanaan mengikut spesifikasi sehingga selesai. (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).
- o. Membantu Pegawai Penyiasat dalam menjalankan siasatan terutamanya dalam semakan di lapangan dan penyediaan Kertas Siasatan bagi kes kesalahan hutan.
- p. Menjadi pembantu tenaga pengajar terutamanya dalam bidang kerja di lapangan yang memerlukan kemahiran dan kepakaran.

4.2. Renjer Hutan Gred G17 (Jabatan Perhutanan Negeri Sabah)

- a. Memeriksa dan mengesahkan kawasan-kawasan permohonan kawasan pembalakan.
- b. Menyediakan sempadan-sempadan kawasan cadangan untuk dikeluarkan lesen membalak.
- c. Membuat rondaan ke atas kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Hutan Tanah Kerajaan bagi mencegah pencerobohan dan pembalakan haram.
- d. Menjalankan kerja-kerja menyukat jalan hutan untuk tujuan pembalakan.
- e. Menjalankan kerja-kerja rondaan di dalam setiap lesen pembalakan agar mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- f. Mengawal dan menyemak kerja-kerja di Balai Pemeriksaan Jabatan Hutan atas pungutan dan pengeluaran Pas Memindah.
- g. Menyediakan laporan-laporan penutup selari/ akhir kawasan-kawasan lesen membalak.
- h. Memeriksa status pendaftaran jentera yang digunakan dalam kawasan lesen pembalakan.

4.3. Renjer Hutan Gred G22

- a. Projek Ladang Hutan Getah Swasta/ Perintis JPSM:
 - i. Menyediakan maklumat yang telah dikumpulkan.
 - ii. Menjalankan semakan kerja-kerja penyelenggaraan.
 - iii. Menyelia kerja menyukat dan mengukur data.
 - iv. Menyediakan laporan kemajuan kerja.
 - v. Membantu memberi khidmat nasihat.
- b. Tapak Semaian:
 - i. Menyelia kerja-kerja menabung dan kerja-kerja menyemai anak pokok.
 - ii. Menyediakan laporan kemajuan kerja.

- iii. Memastikan rekod-rekod keluar masuk anak pokok dikemaskini dan kawasan sentiasa bersih dan terurus.
- vi. Membuat semakan ke atas kerja-kerja penyelenggaraan.
- vii. Mengetuai pasukan penguatkuasaan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri dalam membuat pemeriksaan kawasan lesen pembalakan yang sedang berkuat kuasa.

4.4. Renjer Hutan Gred G26

- a. Mengetuai pasukan penguatkuasaan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri dalam membuat pemeriksaan kawasan lesen pembalakan yang sedang berkuat kuasa.
- b. Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri membuat siasatan aduan-aduan kesalahan hutan yang diterima.
- c. Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri menjalankan pemeriksaan pemindahan kayu balak dengan mengadakan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kilang papan.
- d. Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri menjalankan pemeriksaan ke atas premis kilang berasaskan kayu berdasarkan Enakmen Industri Berasaskan Kayu.
- e. Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri dalam persediaan kawasan tender/ sebut harga dan lelongan kayu balak rampasan.
- f. Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri membuat pemeriksaan menjejut ke betau kayu import dari luar negara.
- g. Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri dalam pemeriksaan ke atas pengusaha hasilan kayu bakau.
- h. Membantu Pegawai Penyiasat dalam menjalankan siasatan dan penyediaan Kertas Siasatan bagi kes-kes kesalahan hutan.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pegawai atasan di dalam organisasi yang sama.
- b. Rakan sekerja di unit/ bahagian yang sama.
- c. Kakitangan bawahan di dalam jagaan Renj Hutan/ unit.

Luaran

- a. Orang awam.
- b. Jabatan/ agensi kerajaan yang lain.
- c. Pelesen/ kontraktor pembangunan hutan, pengusahasilan hutan dan industri berasaskan kayu.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Pejabat
 - i. Dalam pejabat renj hutan/ unit.
 - ii. Persekitaran pejabat
 - iii. Pusat latihan.
- b. Luar Pejabat
 - i. Balai Pemeriksaan Hutan.
 - ii. Hutan Lipur.
 - iii. Tapak Semaian.
 - iv. Pusat Latihan.
 - v. Rizab Hutan (Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan).
 - vi. Industri Berasaskan Kayu.
 - vii. Kuari dan loji pengeluaran hasil hutan.
 - viii. Kawasan lesen pembangunan hutan dan pengusahasilan hutan (Hutan Darat dan Hutan Paya Laut).

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Pengetahuan mengenai flora dan fauna.
- b. Pengetahuan mengenai pemuliharaan alam sekitar.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berminat dengan bidang perhutanan.
- b. Tahan lasak untuk bekerja di lapangan.
- c. Bersih, cekap dan amanah.
- d. Berintegriti.
- e. Bertanggungjawab.
- f. Kemahiran berkomunikasi.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Terdedah kepada bahaya penyakit berjangkit (zoonotik).
- b. Terdedah kepada kecederaan diri semasa kerja di lapangan.
- c. Penyelewengan semasa kerja.
- d. Kepentingan diri.
- e. Terdedah pada unsur rasuah.

Sumber: Emel dari Jabatan Perhutanan Negeri Perak bertarikh 4 Oktober 2012. Emel dari Jabatan Perhutanan Negeri Sabah bertarikh 20 September 2012.